

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]**

TARIKH : 7.4.2015

SOALAN :

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian Kementerian mengenai "Sekolah Di Rumah" (*Home Schooling*) dan persediaan Kementerian membantu ibu bapa yang memilih untuk mendidik anak-anak di rumah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Home schooling merupakan satu kaedah persekolahan di rumah yang diberikan kepada ibu bapa yang mempunyai anak yang bermasalah kesihatan kronik dan memerlukan jagaan rapi. Namun demikian, ianya hanyalah satu keistimewaan dan bukannya hak. Persekolahan biasa adalah diutamakan kepada kanak-kanak kerana ianya merupakan cara terbaik bagi kanak-kanak untuk berinteraksi antara satu sama lain.

Pengecualian daripada mengikuti pendidikan wajib adalah berdasarkan kepada subseksyen 29A (3), Akta Pendidikan 1996 yang memperuntukkan bahawa "Menteri boleh, jika difikirkan wajar dan demi kepentingan murid atau awam untuk berbuat demikian, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, mengecualikan mana-mana murid atau

mana-mana golongan murid daripada kehendak supaya mengikuti pendidikan wajib, sama ada secara mutlak atau tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut dikenakan, dan boleh pada bila-bila masa menurut budi bicaranya membatalkan pengecualian itu atau membatalkan atau mengubah atau menambah syarat-syarat itu”.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Home schooling* bertujuan untuk:

- (i) memberi peluang kepada kanak-kanak yang menghadapi masalah kesihatan yang kronik dan memerlukan penjagaan yang rapi oleh ibu bapa untuk mendapat pendidikan formal di rumah;
- (ii) memastikan tidak berlaku keciciran kepada kanak-kanak untuk memperoleh pendidikan wajib seperti yang termaktub di bawah Akta Pendidikan 1996; dan
- (iii) mendidik ibu bapa supaya menjalankan tanggungjawab mereka untuk menyekolahkan anak.

Permohonan *home schooling* boleh dibuat di mana-mana Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) di seluruh negara menggunakan borang yang telah disediakan. Permohonan ini akan di hantar ke Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui JPN yang berkaitan untuk diproses dan diberikan kelulusan khas. Setakat ini hanya mereka yang mempunyai masalah kesihatan kronik dan memerlukan jagaan rapi oleh pihak penjaga adalah diutamakan untuk tujuan kelulusan. Semua syarat untuk tujuan

permohonan ini dinyatakan dalam borang yang boleh didapati secara percuma di semua JPN. Pemantauan dan pelaksanaan pembelajaran *home schooling* akan dilaksanakan oleh KPM bagi membantu ibu bapa yang memilih untuk mendidik anak-anak di rumah.

RJM104